

304 - Muslim bin Ibrahim meriwayatkan kepada kami, katanya: Wuhaib meriwayatkan kepada kami, katanya: Manshur meriwayatkan kepada kami daripada ibunya daripada 'Aaisyah r.a, bahawa ada seorang perempuan Anshar bertanya Nabi s.a.w.: “Bagaimana saya harus mandi untuk bersuci daripada haidh?”. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Kamu ambillah secebis kain (atau kapas) yang dilumur kasturi dan bersihkanlah.” Tiga kali (beliau s.a.w. bersabda begitu). Kemudian Nabi s.a.w. terasa malu, kerananya beliau berpaling. Atau Nabi s.a.w. bersabda: “Bersihkan lah dengannya”. Saya ('Aaisyah r.a.) pun memegang perempuan itu dan menariknya. Kemudian saya memberitahunya apa yang dimaksudkan oleh Nabi s.a.w.

١٥ - بَابُ امْتِشَاطِ الْمَرْأَةِ عِنْدَ غُسْلِهَا مِنَ الْمَحِيضِ

15 - Bab: Perempuan Menyikat Rambut Ketika Mandi Bersucinya Daripada Haidh.²⁶⁹

٣٠٥ - حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ حَدَّثَنَا ابْنُ شِهَابٍ عَنْ عُرْوَةَ أَنَّ عَائِشَةَ قَالَتْ أَهْلَلْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ فَكُنْتُ مِمَّنْ تَمَتَّعَ وَلَمْ يَسُقِ الْهَدْيَ فَرَعَمْتُ أَنَّهَا

²⁶⁹ Bab 15 ini dan bab 16 berikutnya mempunyai pertalian yang rapat dengan bab 14. Sebenarnya kedua-dua bab 15 dan 16 bagi Bukhari r.a. merupakan penjelasan tentang suatu perkara yang sangat penting dijaga oleh setiap orang perempuan ketika mandi untuk bersuci daripada haidh dan nifas. Mereka dikehendaki membuka sanggul atau jalinan rambut dan menyikatnya terlebih dahulu sebelum mandi supaya betul-betul dibasahi air apabila mandi kemudiannya. Bagi Bukhari r.a. dan Ahmad berdasarkan satu riwayat daripada beliau, perempuan yang mandi untuk bersuci daripada haidh tidak dikira memadai kepada mereka membasahkan pangkal rambut semata-mata seperti ketika mandi janabah. Ini kerana mereka mestilah membasahkan dan meratakan air kesemua sekali rambut. Itulah juga pendapat 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash, Hasan Bashri, Thawus dan lain-lain. Pendapat mereka ini berbeza daripada pendapat jumhur 'ulama' yang mengatakan mandi untuk mengangkat hadats janabah dan hadats haidh adalah sama saja. Bagi jumhur 'ulama' mereka hanya perlu menyampaikan air kepangkal rambut sahaja. Membasahkan dan meratakan air dari pangkal sampai keujung rambut adalah sesuatu yang tidak diwajibkan. Bukhari r.a. dan orang-orang yang sependapat dengannya pula berpegang dengan hadits ini. Bagi mereka kalau untuk mandi kerana berihram pun diperintah Nabi s.a.w. supaya 'Aaisyah r.a. membuka jalinan rambut dan seterusnya menyikatnya, padahal ia bukan mandi wajib, maka untuk mandi wajib seperti bersuci daripada haidh itu lebih-lebih lagilah akan dituntut supaya dibuka dan disikat rambut. Membuka rambut dan menyikatnya bukanlah sesuatu yang sebenarnya dituntut, malah yang dituntut sebenarnya ialah meratakan air dan membasahkan rambut itu semua sekali ketika mandi tersebut. Walaupun di dalam hadits bab ini tidak tersebut pun perkataan mandi secara khusus, namun Imam Bukhari r.a. tetap memahami perintah supaya membuka rambut dan menyikatnya adalah kinayah (kiasan) kepada mandi. Boleh jadi juga Imam Bukhari r.a. memahaminya daripada hadits lain yang lebih lengkap. Dengan menyebutkan perkataan mandi di dalam tajuk bab, beliau bermaksud mengisyaratkan kepada hadits yang lebih lengkap itu. Sementara hadits yang dikemukakan oleh beliau di sini adalah hadits mukhtashar (ringkas) saja.

حَاضَتْ وَلَمْ تَطْهَرْ حَتَّى دَخَلَتْ لَيْلَةَ عَرَفَةَ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ هَذِهِ لَيْلَةُ عَرَفَةَ وَإِنَّمَا كُنْتُ تَمَتُّعْتُ بِعُمْرَةٍ فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انْقُضِي رَأْسَكَ وَامْتَشِطِي وَأَمْسِكِي عَنْ عُمْرَتِكَ فَفَعَلْتُ فَلَمَّا قَضَيْتُ الْحَجَّ أَمَرَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ لَيْلَةَ الْحَصْبَةِ فَأَعْمَرَنِي مِنَ التَّنْعِيمِ مَكَانَ عُمْرَتِي الَّتِي نَسَكْتُ

305 - Musa bin Ismail meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibrahim meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Syihab meriwayatkan kepada kami daripada `Urwah bahawa `Aaisyah r.a. berkata: “Saya telah berihlal bersama Rasulullah s.a.w. dalam haji Wada’. Saya adalah antara orang yang bertamattu` dan tidak membawa binatang qurban. `Aaisyah r.a. menceritakan bahawa dia telah kedatangan haidh dan tidak suci sehinggalah masuk malam `Arafah. Kata `Aaisyah r.a. : “Wahai Rasulullah, ini malam `Arafah. Sebelum ini saya bertamattu` mengerjakan umrah”. Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya: “Bukalah rambutmu, sikatlah rambut itu dan berhentilah daripada `umrahmu”. Maka saya pun melakukan (apa yang disuruh itu). Setelah saya selesai mengerjakan haji, Nabi s.a.w. menyuruh `Abdur Rahman pada malam al-Hashbah agar membawa saya untuk ber`umrah dari Tan`im menggantikan `umrah yang telah saya niatkan (sebelumnya).”

١٦ - بَابُ تَقْضِ الْمَرْأَةِ شَعْرَهَا عِنْدَ غَسْلِ الْمَحِيضِ

16 - Bab: Perempuan Melepaskan Rambutnya Ketika Mandi Untuk Bersuci Daripada Haidh.

٣٠٦ - حَدَّثَنَا عَبْدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو أُسَامَةَ عَنْ هِشَامٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ خَرَجْنَا مُوَافِينَ لِهَيْلَالِ ذِي الْحِجَّةِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُهَلَّ بِعُمْرَةٍ فَلْيُهَلِّ فَإِنِّي لَوَلَا أَنِّي أَهْدَيْتُ لَا هَلَلَتْ بِعُمْرَةٍ فَأَهَلَّ بَعْضُهُمْ بِعُمْرَةٍ وَأَهَلَّ بَعْضُهُمْ بِحَجٍّ وَكُنْتُ أَنَا مِنْ أَهْلِ بَعْضِ بَعْضِ فَأَدْرَكَنِي يَوْمَ عَرَفَةَ وَأَنَا حَائِضٌ فَشَكَوْتُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ دَعِي عُمْرَتَكَ وَانْقُضِي رَأْسَكَ وَامْتَشِطِي وَأَهْلِي بِحَجٍّ فَفَعَلْتُ حَتَّى إِذَا كَانَ لَيْلَةُ الْحَصْبَةِ أَرْسَلَ مَعِيَ أَخِي عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ أَبِي بَكْرٍ فَخَرَجْتُ إِلَى التَّنْعِيمِ فَأَهْلَلْتُ بِعُمْرَةٍ مَكَانَ عُمْرَتِي قَالَ هِشَامٌ وَلَمْ يَكُنْ فِي شَيْءٍ مِنْ ذَلِكَ هَدْيٌ وَلَا صَوْمٌ وَلَا صَدَقَةٌ

306 - 'Ubaid bin Ismail meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Usamah meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam daripada ayahnya daripada 'Aaisyah r.a. katanya: "Kami keluar beberapa hari saja sebelum muncul anak bulan Zulhijah."²⁷⁰ Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesiapa yang mahu berihlal 'umrah, bolehlah dia lakukan. Sesungguhnya kalaulah tidak kerana aku telah membawa hadyu (binatang qurban) bersamaku, niscaya aku berihlal 'umrah". Maka ada di antara mereka yang berihlal 'umrah dan ada pula yang berihlal haji. Aku sendiri termasuk antara mereka yang berihlal 'umrah sehinggalah hampir tiba hari 'Arafah. Pada ketika itu aku masih lagi dalam keadaan berhaidh. Aku mengadu hal kepada Rasulullah s.a.w., maka Baginda s.a.w. bersabda: "Tinggalkan 'umrahmu, buka dan sikatlah rambutmu dan berihlallah untuk haji (pula)". Aku pun melakukannya. Apabila tiba malam Hashbah,²⁷¹ Rasulullah s.a.w. menghantarkan bersamaku saudaraku Abdul Rahman ke Tan'im²⁷² untuk aku berihlal 'umrah sebagai ganti umrahku yang sebelum itu." Hisyam berkata: "Tidak ada langsung dalam apa (riwayat) yang sampai kepada saya, 'Aaisyah r.a. telah dikenakan hadyu (pengurbanan binatang), puasa atau shadaqah (kerana apa yang telah dilakukannya)."²⁷³

²⁷⁰ Hadits 'Aaisyah r.a. ini mengisahkan peristiwa haji wada' yang berlaku pada tahun kesepuluh Hijrah. Rasulullah s.a.w. berangkat dari Madinah bersama-sama para sahabat untuk mengerjakan haji pada hari Sabtu 25 Zilqa'dah.

²⁷¹ Malam Hashbah ialah malam ke tiga belas atau ke empat belas Zulhijah. Pada malam itu setelah selesai berthawaf wida', orang-orang haji dari Madinah singgah (bermalam) di Muhasshab di awal malam setelah mereka meninggalkan Mina untuk berangkat beramai-ramai dari situ ke Madinah di penghujung malam.

²⁷² Nama satu tempat yang terletak sejauh empat batu dari Mekah di jalan Madinah. Ia adalah miqat dan tanah halal yang paling hampir dengan Mekah. Kebanyakan orang memakai ihram 'umrah di sana. Di situ juga kemudian harinya dibangunkan sebuah masjid yang dipanggil masjid 'Aaisyah r.a.

²⁷³ Ini adalah terjemahan pertama bagi kata-kata Hisyam. Taqdirnya dalam bahasa 'Arab adalah sebagai berikut: وَلَمْ يَكُنْ فِي شَيْءٍ مِنْ ذَلِكَ (أي في شيء مما بلغني) هَدْيٌ وَلَا صَوْمٌ وَلَا صَنْقَةٌ. Berdasarkan terjemahan ini kata-kata Hisyam itu hanya bererti penafian beliau tentang riwayat yang diperolehi beliau berhubung dengannya. Ia sama sekali tidak menafikan kewujudannya. Apa lagi jika dilihat kepada hadits yang diriwayatkan Muslim, Ahmad, Abu 'Awanah dan lain-lain daripada Jabir bin 'Abdillah bahawa Nabi s.a.w. telah mengorbankan seekor lembu bagi pihak 'Aaisyah r.a. (dalam peristiwa itu). Terjemahan kedua untuk kata-kata Hisyam itu adalah seperti berikut: "('Aaisyah r.a.) Tidak dikenakan apa-apa kerana melakukan semua itu, sama ada qurban, puasa, ataupun sedekah." Berdasarkan terjemahan kedua inilah kebanyakan 'ulama' menganggap kata-kata Hisyam itu mengandungi kemusykilan. Sama ada 'Aaisyah r.a. dianggap sebagai qaarinah (perempuan yang mengerjakan haji qiran) atau mutamatti'ah (perempuan yang mengerjakan haji tamattu') atau mufridah (perempuan yang mengerjakan haji ifrad) selepas mutamatti'ah. Kerana dalam semua keadaan, 'Aaisyah r.a. tetap perlu mengurbankan hadyu (binatang qurban) atau setidak-tidaknya dia perlu berpuasa, tiga hari semasa mengerjakan haji dan tujuh hari setelah pulang ke rumah. Terjemahan pertama seperti yang diberikan di atas nampaknya lebih sesuai kerana tidak menimbulkan kemusykilan dan tidak juga memerlukan kepada banyak ta'wilan.

١٧ - باب قول الله عز وجل (مُخَلَقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَقَةٍ)

17 - Bab: Firman Allah 'Azza Wa Jalla: Yang Disempurnakan Kejadiannya Dan Yang Tidak Disempurnakan.²⁷⁴

٣٠٧ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا حَمَّادٌ عَنْ عُبيدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي بَكْرٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ وَكَلَّ بِالرَّحِمِ مَلَكًا يَقُولُ يَا رَبُّ نُطْفَةٍ يَا رَبُّ عَلَقَةٍ يَا رَبُّ مُضْغَةٍ فَإِذَا أَرَادَ أَنْ يَقْضِيَ خَلْقَهُ قَالَ أَذْكَرٌ أَمْ أُنْثَى شَقِيٌّ أَمْ سَعِيدٌ فَمَا الرِّزْقُ وَالْأَجَلُ فَيَكْتُبُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ

²⁷⁴ Selengkapnya firman Allah ini dengan terjemahannya adalah seperti berikut:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُضْغَةٍ مُخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ لَنَبِّئَنَّ لَكُمْ وَنُقَرِّئُ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ وَمِنْكُمْ مَن يُتَوَفَّى وَمِنْكُمْ مَن يُرَدُّ إِلَى أَرْدَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنْ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنْبَتَتْ مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ ﴿٥﴾

Maksudnya: Wahai umat manusia, sekiranya kamu dalam keraguan tentang kebangkitan (kehidupan semula pada hari kiamat), maka (ketahuilah) Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitis air mani, kemudian dari sebutu darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami kehendaki sampai waktu yang sudah ditentukan, kemudian Kami keluarkan kamu sebagai bayi; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkannya umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. dan (ingatlah satu bukti lagi); Kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpunya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai. (al-Haj:5).

Para pensyarah Sahih Bukhari berbeza pandangan tentang maksud Bukhari r.a. mengadakan bab ini. Hafiz Ibnu Hajar berpendapat Bukhari r.a. bermaksud mentafsirkan ayat di atas (firman Allah di atas) dengan hadits di bawahnya atau hadits-hadits seumpamanya. Syah Waliyyullah berpendapat maksud beliau ialah menyatakan adanya kesesuaian dan perkaitan ayat ini dengan masalah haidh. Ibnu Batthaal, al-'Aini dan ramai lagi yang lain berpendapat Bukhari r.a. sebenarnya mahu memberikan pandangannya tentang masalah darah yang keluar setelah seseorang perempuan mengandung, adakah ia dikira darah haidh atau darah istihadhah? Oleh kerana para 'ulama' berbeza pendapat tentangnya, ada yang mengatakan darah haidh masih boleh keluar daripada seseorang yang mengandung, sementara yang lain pula berpendapat tidak boleh. Bagi Bukhari r.a. darah yang keluar daripada seseorang yang mengandung, bukan darah haidh malah ia adalah darah istihadhah. Dengan mengemukakan bab ini Imam Bukhari r.a. sesungguhnya berada di pihak golongan 'ulama' yang menafikan keluarnya darah haidh daripada perempuan yang mengandung. Antara 'ulama' yang sependapat dengan Bukhari r.a. dalam masalah ini ialah Abu Hanifah, anak-anak buahnya, Ahmad, Abu Tsaur, Ibnu al-Munzir, al-Auzaa'i, ats-Tsauri, Abu 'Ubaid, 'Athaa', Hasan Bashri, Sa'id bin Musaiyyab, Muhammad bin al-Munkadir, Jabir, bin Zaid, asy-Sya'bi, Makhul, az-Zuhri, al-Hakam, Hammaad, Syafi'e dalam qaul qadimnya dan lain-lain. Antara 'ulama' yang berpendapat darah haidh ada juga keluar daripada perempuan yang mengandung ialah Syafi'e dalam qaul jadidnya, Ishaq dan Malik dalam riwayat yang masyhur daripadanya. Syaikh Zakariyya pula berpendapat maksud Bukhari r.a. dengan bab ini ialah untuk menyatakan darah yang keluar selepas keluarnya kandungan dari rahim sama ada yang telah sempurna kejadiannya atau belum adalah darah nifas.

307 - Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Hamaad meriwayatkan kepada kami daripada Ubaidillah bin Abi Bakr daripada Anas bin Malik daripada Nabi s.a.w., Baginda s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya Allah ‘Azza wa Jalla menugaskan satu malaikat untuk memperhatikan rahim. Malaikat itu berkata: “Oh Tuhanku, air mani”. Oh Tuhanku, (ia sudah menjadi) segumpal darah”. Oh Tuhanku, (ia sudah menjadi) seketul daging”. Maka apabila Allah mahu menjadikan kejadiannya,²⁷⁵ malaikat itu bertanya: “Lelakikah atau perempuan, celakakah atau bahagia, bagaimana dengan rezeki dan ajalnya?”. Maka ditulislah (ditetapkanlah kesemua yang tersebut itu ketika janin masih) di dalam perut ibunya.”

١٨ - بَابُ كَيْفِ نُهْلِ الْحَائِضِ بِالْحَجِّ وَالْعُمْرَةِ

18 - Bab: Bagaimana Perempuan Yang Berhaidh berihlal Haji Dan ‘Umrah.²⁷⁶

²⁷⁵ Dari sinilah Bukhari r.a. memahami apa yang terdapat di dalam firman Allah di atas sebagai (kandungan) yang disempurnakan kejadiannya. Daripada mafhum mukhalifnya yang disokong pula dengan kenyataan, membuktikan bahawa ada juga kandungan yang tidak disempurnakan. Riwayat at-Thabari dengan isناد yang sahih daripada Ibnu Mas‘ud di bawah ini dapat memaparkan dengan lebih jelas lagi apa yang terkandung di dalam tajuk bab di atas:

عن ابن مسعود رضي الله تعالى عنه قال إذا وقعت النطفة في الرحم بعث الله ملكا فقال يا رب مخلقة أو غير مخلقة فإن قال غير مخلقة مجها الرحم دما وإن قال مخلقة قال يا رب فما صفة هذه النطفة فيقال له انطلق إلى أم الكتاب فإنك تجد قصة هذه النطفة فينطلق فيجد قصتها في أم الكتاب.

Maksudnya: Ibnu Mas‘ud r.a. berkata: “Apabila jatuh air mani (nuthfah) ke dalam rahim, Allah terus mengutuskan satu malaikat. Kata malaikat itu: “Oh Tuhanku, adakah akan disempurnakan kejadiannya atau tidak? Kalau tuhan berkata tidak, ia dilontar keluar oleh rahim dan kalau tuhan berkata: “Akan disempurnakan.” Malaikat itu bertanya pula: “Oh tuhanku, apakah sifat nuthfah ini? Pada ketika itu akan dikatakan kepadanya: “Pergilah engkau kepada Ibu Kitab (Lauh Mahfuz). Di situ engkau akan dapati cerita fasal nuthfah ini.” Maka pergilah malaikat itu. Setelah pergi ia mendapati kisahnya (tercatat) di dalam Ibu Kitab.

Walaupun hadits ini mauquf tetapi ia termasuk dalam mauquf fi hukmi al-marfu‘ (hadits mauquf yang dikira sebagai hadits marfu‘). Kerana isi kandungannya di luar daripada jangkauan ‘aql manusia.

²⁷⁶ Ini adalah bab keempat di mana Imam Bukhari r.a. menggunakan perkataan كيف di dalam tajuk bab yang dibuatnya. Jawapan kepada soalan di dalam tajuk ini terdapat di dalam hadits di bawahnya, iaitu perempuan berhaidh diperintahkan supaya mandi terlebih dahulu sebelum berihlal untuk mengerjakan haji atau ‘umrah. Mandi sebelum memakai ihram sama ada untuk mengerjakan haji atau ‘umrah tetap digalakkan dan disunatkan walaupun seseorang perempuan itu belum suci daripada haidhnya. Dengan bab ini Imam Bukhari r.a. juga mahu mengisyaratkan kepada khilaf yang berlaku di kalangan ‘ulama’ tentang hukum mandi bagi perempuan-perempuan berhaidh sebelum berihram. Mengikut golongan Zahiriyah, ia diwajibkan ke atas mereka. Golongan Zahiriyah berpendapat amar (perintah) di dalam hadits di atas adalah amar ta‘abbudi (أمر تعبدی) yang memberi erti wajib. Kerana meskipun Rasulullah s.a.w. sedar mandi itu tidak mengangkat hadats perempuan berhaidh, beliau tetap memerintahkan dan menyuruh perempuan berhaidh mandi juga. Tetapi jumhur ‘ulama’ berpendapat mandi itu hanya digalakkan dan disunatkan. Alasan mereka ialah kalau perempuan yang suci, tidak berhaidh pun di suruh Baginda s.a.w. supaya mandi sebelum berihram dan berihlal, perempuan dalam keadaan berhaidh lebih-lebih lagilah akan disuruh beliau supaya mandi. Dan itu tidak semestinya memberi erti wajib. Tajuk ini juga bermaksud menyatakan bahawa ihlal haji dan ‘umrah perempuan-perempuan berhaidh